

## ZON B

### KENKA- DUA- BOT


Bentuk pukot kenka 2 bot adalah sama dengan pukot tunda 1 bot. Operasi pukot ini telah diubahsuai daripada pukot tunda dan ditunda oleh 2 buah vesel tanpa menggunakan papan tunda. Pukot ini adalah lebih pantas dan berkesan daripada pukot tunda 1 bot dan penggunaannya terhad di daerah Kerian, Perak sahaja.

### DASAR

Peralatan menangkap ikan kenka dua bot hanya dilesenkan di daerah Kerian, Perak sahaja. Pengeluaran lesen baru bagi kenka 2 bot telah dibekukan. Dibenarkan pindah milik kepada keluarga terdekat.

### SYARAT-SYARAT

- a) Kawasan yang dibenarkan beroperasi adalah di zon B (kawasan 5 bn hingga 12 bn dari pantai) di daerah Kerian iaitu di antara batasan di utara garis lintang  $5^{\circ} 7.5' U$  (bertentangan dengan Bagan Tiang) dan di Selatan batasan garis lintang  $4^{\circ} 57.7' U$  (bertentangan dengan Telok Rubiah).



Gambarajah 1: Pelan Kawasan Operasi Kenka-2-Bot di Perak

- b) Pukat hendaklah diperbuat daripada jaring nilon atau saran nilon. Bahan jaring tersebut adalah bukan dari jenis yang dikeraskan

(*untreated*) dengan apa jua jenis agen kimia atau sebagainya.

Walau bagaimanapun bahan jenis polietilena boleh digunakan di bahagian kandul sahaja.

- c) Ukuran mata pukat keseluruhan hendaklah melebihi 38mm.
- d) Panjang pukat apabila diukur mengikut tali kajar tidak kurang dari 300 kaki ( 91.44 m)
- e) Rantai besi yang berfungsi sebagai rantai pemberat tidak boleh digunakan di bahagian tali kajar bawah dan tidak boleh dimiliki atau disimpan di atas vesel.
- f) 4 biji batu bata atau simen yang berbentuk silinder yang mempunyai berat sama dengan batu bata tersebut dibenar diikat pada tiap-tiap penghujung kaki pukat.
- g) Pemberat yang digunakan tidak boleh melebihi 80 kati (48kg).